

BERNAMA - 08 Mac, 2007

PM Mahu KL Jadi Bandar Raya Selamat Dan Aman



PANTAI SENTRAL PARK Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (dua, kiri) diberi penerangan mengenai model Projek Pantai Sentral Park oleh Pengarah Amona Development Berhad, Abdul Hamid Mohamed (kanan) sebelum merasmikan projek itu di Dewan Komuniti Bukit Kerinchi. Foto: Shahrizan Jeffri Aziz

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Kuala Lumpur sebagai ibu negara perlu dijadikan sebagai kawasan yang aman dan selamat serta bebas daripada setinggan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata sekiranya setinggan masih wujud, Kuala Lumpur tidak dapat dimajukan dengan cepat.

"Oleh itu selain projek perumahan, kemudahan lain perlu diberi perhatian di Kuala Lumpur untuk ia menjadi bandar raya terkenal, bersih, indah dan menceraiakan warganya," katanya semasa merasmikan projek perumahan bersepadu Pantai Sentral Park di Pantai Dalam dekat sini hari ini.

Abdullah berkata walaupun Kuala Lumpur sudah diiktiraf sebagai antara bandar raya terbaik dunia, tetapi ia dapat diperindahkan lagi dengan kemudahan yang berkualiti untuk penghuninya.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur perlu merancang dengan lebih berkesan untuk menyiapkan projek dalam masa yang ditetapkan dengan memberi keutamaan kepada projek perumahan kos rendah, kata beliau.

Perdana Menteri berkata pemaju perumahan perlu mempercepatkan pembinaan rumah kos rendah berbanding rumah kos tinggi bagi kepentingan rakyat berpendapatan rendah.

Sementara itu Abdullah mengajak rakyat pelbagai kaum supaya tidak mengamalkan perasaan benci antara satu sama lain.

"Rakyat perlu berwaspada untuk tidak membiarkan rasa tidak tenteram wujud di kalangan mereka sehingga berlaku sesuatu yang boleh menyebabkan mereka merasa kesal di kemudian hari," katanya.

Beliau berkata pemimpin pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan persatuan perlu memastikan rakyat hidup dengan aman dan selamat.